



11 September 2015  
11 September 2015  
P.U. (A) 209

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

### PERATURAN-PERATURAN PENGANGKUTAN AWAM DARAT [KAEDAH-KAEDAH LEMBAGA PELESENAN KENDERaan PERDAGANGAN (KADAR TAMBANG) (PINDAAN) (NO. 3) 2015] 2015

*LAND PUBLIC TRANSPORT [COMMERCIAL VEHICLES  
LICENSING BOARD (RATES OF FARE) (AMENDMENT)  
(NO. 3) RULES 2015] REGULATIONS 2015*



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGANGKUTAN AWAM DARAT 2010

PERATURAN-PERATURAN PENGANGKUTAN AWAM DARAT  
[KAEDAH-KAEDAH LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN  
(KADAR TAMBANG) (PINDAAN) (NO. 3) 2015] 2015

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 252(1)(t) Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [Akta 715], Menteri, atas syor Suruhanjaya, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama**

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pengangkutan Awam Darat [Kaedah-Kaedah Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Kadar Tambang) (Pindaan) (No. 3) 2015] 2015.**

**Pindaan Jadual Pertama**

2. Kaedah-Kaedah Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Kadar Tambang) 2000 [P.U. (A) 242/2000] dipinda dalam Jadual Pertama di bawah kepala “BAHAGIAN 1 – SEMENANJUNG MALAYSIA” dengan memasukkan selepas perenggan 1B perenggan yang berikut:

“1C. Bas Rapid Transit (BRT) di bawah kelas lesen Bas Henti-Henti (bagi kawasan Kuala Lumpur dan sekitarnya)

(a) kadar tambang permulaan yang tetap sebanyak 90 sen dikenakan ke atas setiap penumpang bagi keseluruhan perjalanan

<i>Jarak</i>	<i>Kadar Tambang (untuk setiap kilometer bagi setiap penumpang)</i>

(b) (i) tidak lebih daripada 6 kilometer tidak lebih daripada 0.815 sen digenapkan

kepada nilai 10 sen yang terdekat

- |  |  |
|--|--|
| (ii) lebih daripada 6 kilometer tetapi tidak lebih daripada 12 kilometer                         | tidak lebih daripada 0.513 sen digenapkan kepada nilai 10 sen yang terdekat                                  |
| (iii) lebih daripada 12 kilometer tetapi tidak lebih daripada 18 kilometer                       | tidak lebih daripada 0.421 sen digenapkan kepada nilai 10 sen yang terdekat                                  |
| (iv) lebih daripada 18 kilometer tetapi tidak lebih daripada 24 kilometer                        | tidak lebih daripada 0.282 sen digenapkan kepada nilai 10 sen yang terdekat                                  |
| (v) lebih daripada 24 kilometer  | tidak lebih daripada 0.212 sen digenapkan kepada nilai 10 sen yang terdekat                                  |
| <i>(c) pemegang kad konsesi (pelajar, orang kurang upaya dan warga tua 60 tahun dan ke atas)</i> | tidak lebih daripada 1/2 harga daripada kadar yang ditetapkan digenapkan kepada nilai 10 sen yang terdekat”. |